

16/04/1997

Kesan penubuhan dirasai dalam IT

JOHOR BAHRU, Selasa - Kerajaan Johor yakin kesan penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC) dapat dirasainya melalui pelaburan dalam sektor teknologi maklumat (IT).

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata negeri lain termasuk Johor diharap menjadi tumpuan pelabur untuk menyediakan komponen bagi menyokong pertumbuhan MSC.

"Jika MSC menjadi kenyataan, negeri lain turut merasai kesan limpahan pembangunannya.

"Oleh itu, kerajaan negeri menyokong penuh penubuhan MSC kerana ia bukan sahaja berfaedah malah dapat membuka peluang pelaburan dalam sektor IT pada abad ke-21," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan Dialog Koridor Raya Multimedia bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melalui sidang video di Kompleks Islam di sini, hari ini.

Kira-kira 700 tetamu menghadirinya termasuk Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Mohd Ali Hassan, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Dr Shahir Nasir dan ahli Exco kerajaan negeri.

Abdul Ghani berkata, setakat ini di bawah kepemimpinan Dr Mahathir, negara membangun dengan pesat sama ada dalam bidang perindustrian mahu pun teknologi tinggi.

"Sudah pasti, penubuhan MSC akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara secara berterusan dan ke paras yang lebih tinggi terutama menjelang abad ke-21," katanya.

Mengenai kerajaan elektronik yang akan diperkenalkan di negeri ini, beliau berkata, setakat ini semuanya berjalan lancar dan ia dijangka siap sepenuhnya pada akhir tahun ini.

"Persiapannya dibuat secara berperingkat-peringkat dan saya yakin ia dapat disiapkan sepenuhnya pada akhir tahun ini bagi membolehkan saya berkomunikasi dengan pegawai di setiap daerah," katanya.

Beliau berkata, pada peringkat awal sistem hubungannya dengan ahli Exco menggunakan mel elektronik (E-Mail) dan ia akan diperluaskan termasuk menggunakan sidang video.

(END)